

#### **4.0 PENGENALAN**

Kajian ini dijalankan untuk meneliti keupayaan mahasiswa/i etnik Melayu mentranskripsikan dan membezakan komponen utama fonetik bahasa Mandarin dari aspek mendengar dalam proses pembelajaran Mandarin. Seramai 40 orang pelajar yang mengikuti kursus BCA 1012 di UPSI, Perak telah dipilih sebagai subjek kajian ini. Semua subjek yang dipilih adalah bebas memilih kursus ini sebagai kursus Audit di samping mengikuti kursus major, minor dan elektif.

Instrumen seperti ujian mendengar dan soal selidik telah digunakan untuk menilai keupayaan pelajar. Ujian mendengar yang dijalankan telah disemak dan dianalisis dengan menggunakan kaedah SPSS versi 12.0 untuk melihat sejauh manakah pelajar berupaya mentranskripsikan dan membezakan sebutan bunyi fonetik bahasa Mandarin dalam aspek pendengaran. Kesilapan-kesilapan dalam ujian mendengar telah dikenalpasti dalam bab ini manakala punca-punca berlakunya kesilapan juga akan dibincangkan pada akhir bab ini.

#### **4.1 ANALISIS LATAR BELAKANG SUBJEK KAJIAN**

Semua subjek yang dipilih tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bahasa ini semasa mereka mulai belajar Mandarin. Ini bermakna, mereka mempelajari satu bahasa yang

baru, satu bahasa yang merupakan B2 atau ketiga kepada mereka selain daripada bahasa ibunda mereka.

Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa lebih daripada 90% subjek yang mengikuti kursus ini menggunakan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa utama di rumah (92.5%) dan juga di dalam bilik kuliah (95%). Bahasa yang kedua pula ialah BI. Peratusan pengguna BI di rumah dan di bilik kuliah adalah sama iaitu 5%. Dapatan soal selidik ini dapat ditunjukkan seperti di Jadual 4.1.

<b>Jenis Bahasa</b>	<b>Rumah</b>	<b>Bilik Kuliah</b>
<b>Bahasa Melayu</b>	92.5%	95%
<b>Bahasa Inggeris</b>	5%	5%
<b>Bahasa Lain</b>	2.5%	-

**Jadual 4.1 Penggunaan Bahasa**

Dari segi tahap penguasaan bahasa, subjek kajian berpendapat bahawa tahap penguasaan BM mereka adalah lebih baik daripada BI. Jadual 4.2 menunjukkan bahawa 55% subjek kajian menganggap bahawa mereka dapat menguasai BM pada tahap yang sangat baik dan 45% pula pada tahap yang baik.

	Sangat Baik		Baik		Sederhana		Kurang Baik	
	Subjek	%	Subjek	%	Subjek	%	Subjek	%
<b>Bahasa Melayu</b>	22	55%	18	45%	0	0	0	0
<b>Bahasa English</b>	1	2.5%	15	37.5%	24	60%	0	0

**Jadual 4.2 Tahap Penguasaan Bahasa**

Jadual 4.3 dan 4.4 menunjukkan bahawa kumpulan subjek kajian ini mempunyai motivasi pembelajaran yang tinggi. Sebanyak 87.5% subjek kajian berpendapat bahawa tujuan utama mereka mempelajari bahasa ini adalah kerana berminat terhadap bahasa Mandarin. Selain itu, 60.0% subjek kajian berpendapat bahawa Mandarin adalah penting untuk pekerjaan mereka. Terdapat 40.0% pula mempelajari bahasa ini atas sebab keperluan peribadi. Perkembangan bahasa Mandarin dalam era globalisasi juga mempengaruhi subjek kajian. Terdapat 40% subjek kajian menyedari bahawa bahasa Mandarin semakin berkembang menjadi bahasa yang penting di peringkat antarabangsa. Pengaruh ibubapa dan kawan juga memainkan peranan dalam mempengaruhi pembelajaran subjek. Terdapat 12.5% subjek kajian mengikuti kursus ini atas galakkan daripada ibubapa dan terpengaruh dengan kawan-kawannya dalam memilih kursus bahasa Mandarin.

<b>Tujuan Belajar Bahasa Mandarin</b>	<b>Bilangan Subjek</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Minat	35	87.5
Galakan ibubapa	5	12.5
Ikut kawan	5	12.5
Perkembangan bahasa	16	40.0
Keperluan pekerjaan	24	60.0
Keperluan peribadi	16	40.0

**Jadual 4.3 Tujuan Mengikuti Kursus Bahasa Mandarin Komunikasi**

Jadual 4.4 menunjukkan 47.5% daripada subjek menunjukkan minat yang tinggi iaitu sangat minat dalam pembelajaran bahasa Mandarin manakala 52.5% daripada mereka berada pada tahap minat sahaja. Ini selaras dengan dapatan yang diperolehi seperti di atas di mana tujuan utama 87.5% subjek memilih kursus ini atas sebab minat terhadap bahasa ini. Tidak ada orang kurang minat atau tidak minat terhadap pembelajaran mereka.

<b>Tahap minat</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Sangat minat	19	47.5
Minat	21	52.5
Kurang minat	0	0
Tidak minat	0	0

**Jadual 4.4 Tahap Minat Pembelajaran Bahasa Mandarin**

Walaupun subjek kajian telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai minat yang tinggi untuk mempelajari bahasa ini, namun masa yang digunakan untuk membuat ulangkaji adalah kurang. Keadaan ini dapat dilihat melalui jadual 4.5. Dalam kajian soal selidik yang dilakukan, didapati hanya 10% antara subjek meluangkan masa mereka untuk mengulangkaji setiap hari. Terdapat 47.5% subjek kajian membuat ulangkaji seminggu sekali di samping 2 jam belajar dalam kelas seminggu. Selain itu, 42.5% di antara mereka mengaku bahawa mereka hanya membuat ulangkaji sewaktu ujian diadakan.

<b>Masa Membuat Ulangkaji</b>	<b>Bilangan (orang)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Setiap hari	4	10.0
Seminggu sekali	19	47.5
Bila ujian diadakan (sebulan sekali)	17	42.5
Tidak pernah mengulangkaji	0	0

**Jadual 4.5 Masa Membuat Ulangkaji**

## **4.2 PEMAPARAN HASIL KAJIAN**

Dalam kajian ini, dapatan kajian yang diperolehi dalam proses penyelidikan telah pun dianalisis dengan mendapatkan *output* daripada data yang telah dimasukkan ke dalam SPSS versi 12.0. Keupayaan pelajar dinilai dengan berdasarkan *output* yang diperolehi daripada sistem SPSS. Oleh yang demikian, setiap data yang dimasukkan

ke dalam computer dan analisis yang dibuat telah disemak sebanyak 2 kali untuk memastikan tidak berlakunya kesilapan.

Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi, secara umumnya boleh dikatakan bahawa keupayaan subjek kajian untuk mentranskripsikan dan membezakan sebutan bunyi yang didengar adalah amat memuaskan. Penggredan skala di UPSI digunakan sebagai garis panduan untuk menilai keupayaan sampel kajian ini. (Jadual 4.6)

<b>Gred</b>	<b>Julat Markah</b>	<b>PNG(S/K)</b>	<b>Taraf</b>
A	80-100	4.00	Cemerlang
A-	75-79	3.70	Cemerlang
B+	70-74	3.40	Kepujian
B	65-69	3.00	Kepujian
B-	60-64	2.70	Kepujian
C+	55-59	2.40	Lulus
C	50-54	2.00	Lulus
C-	45-49	1.70	Lulus Lemah
D+	40-44	1.40	Lulus Lemah
D	35-39	1.00	Lulus Lemah
F	0-34	0	Gagal

**Jadual 4.6 Penggredan Skala UPSI**

Dalam ujian kali pertama, dua buah puisi, iaitu Puisi Suku Kata Awalan (声母诗) dan Puisi Suku Kata Akhiran (韵母诗) (Zhou 1995, m.s. 34) (Lampiran J) yang merangkumi semua suku kata awalan dan suku kata akhiran telah dijadikan soalan ujian untuk menguji keupayaan pelajar mentranskripsikan sebutan fonetik bahasa Mandarin yang didengar. Selain itu, subjek kajian juga dikehendaki mentranskripsikan 4 nada bahasa Mandarin dalam ujian mendengar. Keputusan ujian tersebut (jadual 4.7) telah memaparkan keupayaan subjek kajian dalam mentranskripsikan sebutan fonetik bahasa

Mandarin adalah memuaskan. Berdasarkan Jadual 4.7, didapati bahawa sebanyak 62.5% daripada subjek kajian telah berjaya memperolehi keputusan yang cemerlang, iaitu 45% yang mendapat gred A dan 17.5% yang mendapat gred A-. Manakala bagi mereka yang memperolehi kepujian dalam ujian yang dijalani adalah sebanyak 30.0%. Di antaranya 15.0% subjek kajian memperolehi gred B+, 7.5% memperolehi gred B dan gred B-. Selain itu, terdapat juga 7.5% di antara subjek kajian mencapai taraf lulus dan tidak ada di antara mereka yang gagal dalam ujian tersebut.

<b>Gred</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratusan (%)</b>
A	18	45.00
A-	7	17.50
B+	6	15.00
B	3	7.50
B-	3	7.50
C+	0	0.00
C	3	7.50
Jumlah	40	100

**Jadual 4.7 Keputusan Ujian Kali Pertama**

Ujian kali kedua lebih tertumpu kepada soalan yang berbentuk perbandingan di antara suku kata awalan. Soalan digubal dengan membuat 4 kumpulan perbezaan di antara kumpulan suku kata awalan iaitu:

- i) Perbezaan bunyi *aspirated* dan *unaspirated*
- ii) Perbezaan bunyi gelungan, bunyi sibilan dan bunyi lelangit
- iii) Perbezaan bunyi gigi
- iv) Perbezaan suku kata awalan yang lain.

Bagi soalan perbezaan suku kata akhiran pula dibahagikan kepada 4 kumpulan, iaitu:

- i) Perbezaan vokal tunggal
- ii) Perbezaan vokal majmuk
- iii) Perbezaan vokal sengau

Penggubalan soalan ujian ini adalah merujuk kepada latihan perbandingan sebutan fonetik bahasa Mandarin Wu Jiemin (2003, m.s.58-100) yang terkandung dalam *XIN BIAN PUTONGHUA JIAOCHENG (Pengajaran Putonghua Edisi Baru)*.

Selain itu, pelajar juga dikehendaki membezakan 4 nada bahasa Mandarin dalam ujian ini. Setiap nada mempunyai 5 soalan dan kesemuanya berjumlah sebanyak 20 soalan.

Keputusan ujian kali kedua ini telah mencapai tahap yang amat memuaskan. Jadual 4.8 telah memaparkan hampir semua subjek kajian telah berjaya mencapai tahap yang cemerlang dalam ujian yang dijalankan. Sebanyak 97.5% daripada subjek kajian mencapai tahap cemerlang, di mana 85% yang mendapat gred A dan 12.5% yang mendapat gred A-. Hanya 2.5 % iaitu seorang sahaja yang mendapat gred B.



Gred	Bil. Sampel	Peratusan (%)
A	34	85.00
A-	5	12.50
B+	-	0.00
B	1	2.50
Jumlah	40	100.00

**Jadual 4.8 Keputusan Ujian Kali Kedua**


Walaupun keputusan ujian kali kedua adalah jauh lebih baik daripada keputusan ujian kali pertama, namun perbandingan keputusan di antara 2 ujian ini tidak dijalankan kerana cara menggubal soalan kedua-dua ujian tersebut adalah berbeza. Ujian kali pertama lebih kepada menguji keupayaan pelajar mentranskripsikan sebutan bunyi fonetik bahasa Mandarin yang didengar manakala ujian kali kedua pula lebih kepada jenis perbandingan di antara suku kata awalan atau suku kata akhiran. Dalam erti kata yang lain, ujian kali pertama memerlukan subjek kajian mentranskripsikan sebutan yang didengar dalam sistem HP manakala bagi ujian kali kedua pula, subjek kajian hanya perlu mendengar dan memilih salah satu jawapan sahaja. Hasil daripada statistik yang diperolehi, jelas menunjukkan bahawa perbezaan antara suku kata awalan atau suku kata akhiran dalam bentuk kumpulan adalah jauh lebih mudah bagi subjek kajian jika dibanding dengan mentranskripsikannya.

Pengkaji juga telah mengabungkan keputusan kedua-dua ujian, iaitu ujian kali pertama dan kedua untuk melihat keupayaan subjek kajian secara keseluruhannya. Jadual 4.9

dan Carta 4.2 telah nyata memaparkan keputusan yang diperolehi daripada percantuman kedua-dua ujian mendengar sebutan fonetik bahasa Mandarin yang telah diberi kepada subjek kajian. Sebanyak 62.5% daripada subjek kajian telah memperolehi gred A dalam ujian mereka dan 17.5% daripada subjek kajian memperolehi gred A-. Ini telah menunjukkan sebanyak 80.0% daripada subjek kajian telah berjaya memperolehi keputusan cemerlang dalam ujian mendengar fonetik bahasa Mandarin. Seterusnya bagi subjek kajian yang lain, kesemuanya iatu 20% di antara mereka pula memperolehi kepujian dalam ujian yang dijalani, di mana 15% memperolehi gred B+, 2.5% memperolehi gred B dan B-.

<b>Gred</b>	<b>Bil. Sampel</b>	<b>Peratusan (%)</b>
A	25	62.50
A-	7	17.50
B+	6	15.00
B	1	2.50
B-	1	2.50
Jumlah	40	100.00

**Jadual 4.9 Keputusan Ujian Mendengar Sebutan Fonetik Bahasa Mandarin**



**Carta 4.2 Keputusan Ujian Mendengar Sebutan Fonetik Bahasa Mandarin Secara Keseluruhan**

### 4.3 Keupayaan Kemahiran Mendengar Pelajar

Secara umumnya, subjek kajian telah diberi dua kali ujian mendengar untuk menilai keupayaan mereka dalam mentranskripsikan dan membezakan suku kata awalan, suku kata akhiran dan nada dalam sistem fonetik bahasa Mandarin atau juga dikenali sebagai HP.

#### 4.3.1 Suku Kata Awalan

Penilaian keupayaan pelajar dalam aspek suku kata awalan dibahagikan kepada dua kali. Ujian kali pertama lebih kepada skop yang luas iaitu sebuah puisi suku kata awalan yang bertajuk Cai Sang (采桑) dibaca dan subjek kajian dikehendaki mentranskripsikan suku kata awalan yang dibaca oleh guru bahasa mereka atas kertas jawapan yang disediakan. Ujian kali yang kedua pula menumpukan perhatian ke atas kumpulan-kumpulan suku kata awalan yang biasanya mengelirukan para pelajar BC pada amnya dan khasnya kepada mereka yang mempelajari Mandarin sebagai B2.

#### 4.3.1.1 Keupayaan Pelajar Mentranskripsikan Suku Kata Awalan

Song Chunyang (宋春阳) dan Huang Zhenji (黄贞姬) dalam kajian masing-masing telah menunjukkan pelajar Korea lemah dalam menyebut bunyi “f”. Mereka akan menyebutkan bunyi “f” sebagai bunyi “p”. Ini kerana bunyi “f” tidak wujud dalam sebutan fonetik mereka. (Sun 2006, m.s.258-273) Namun begitu, bunyi “f” tidak menjadi masalah kepada subjek kajian pengkaji. Jadual 4.10 di bawah dengan nyata sekali menonjolkan bahawa pelajar Melayu tidak menghadapi masalah dalam mentranskripsikan bunyi bibir “f” dan bunyi gigi “l”. Hasil kajian jelas memaparkan keupayaan pelajar dalam menguasai kedua-dua suku kata awalan tersebut adalah 100%. Ini bermakna tiada berlaku sebarang kesilapan dalam proses mentranskripsikan kedua-dua bunyi tersebut. Keupayaan pelajar ini mentranskripsikan sebutan bunyi ini adalah kerana kedua-dua bunyi ini juga wujud dalam BM. Seterusnya bagi bunyi bibir “m” pula, data yang dipungut juga menunjukkan bahawa pelajar berupaya tinggi untuk mentranskripsikannya di mana hanya terdapat seorang sahaja yang melakukan kesilapan. Ini bermakna 97.5% yang berjaya menjawab soalan ini. Selain itu, keupayaan pelajar mentranskripsikan bunyi “d”, “r” “h” dan “p” juga memuaskan. Bilangan yang betul untuk bunyi gigi “d” dan bunyi gelungan “r” ialah 38 orang iaitu 95% manakala untuk bunyi gutural “h” dan bunyi bibir “p”, kedua-duanya mencatat 37 orang sampel yang betul, iaitu 92.5%.

Bagi bunyi gelungan “sh”, sebanyak 35 orang sampel yang jawab betul, iaitu 87.5%, bunyi bibir “b” dan bunyi gutural “k” kedua-duanya terdapat 34 orang sampel yang menjawab betul, iaitu 85% dan bunyi gigi “t” dan “n”, peratusan untuk 31 orang subjek

kajian yang jawab betul ialah 77.5%. Di samping itu, 27 orang subjek kajian atau 67.5% telah berjaya mentranskripsikan bunyi gelungan “ch”, 26 orang atau 65% berjaya mentranskripsikan bunyi sibilan “s” dan seramai 24 orang atau 60% yang menjawab betul dalam sebutan bunyi gigi “g” dan bunyi sibilan “z”.

Menurut Ni Yan (倪彦) dan Wang Xiaokui (王晓葵), pelajar yang berbahasa Inggeris, biasanya mereka menghadapi masalah dalam menyebut golongan bunyi lelangit, bunyi gelungan dan bunyi sibilan, khususnya bunyi “j” dan “zh”. (Sun 2006, m.s. 274-281) Keadaan yang sama juga berlaku dalam kalangan subjek kajian yang berbahasa Melayu. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa keupayaan subjek kajian mentranskripsikan bunyi lelangit “j” dan “q”, bunyi gelungan “zh” dan bunyi sibilan “c” adalah lemah. Hanya 17 orang subjek atau 42.5% yang berjaya mentranskripsikan bunyi lelangit “j” dan “q”. Bagi bunyi gelungan “zh”, seramai 14 orang atau 35% yang berjaya menjawab soalan ini. Bunyi sibilan “c” pula mencatat bilangan betul yang paling rendah iaitu cuma 12 orang atau 30% sahaja yang berupaya mentranskripsikan sebutan bunyi ini.

<b>Bunyi Bibir</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
b	34	85.0
p	37	92.5
m	39	97.5
f	40	100.0
<b>Bunyi Gigi</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>

d	38	95.0
t	31	77.5
n	31	77.5
l	40	100.0
<b>Bunyi Gutural</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
g	24	60.0
k	34	85.0
h	37	92.5
(h1+h2/2)	(35+38/2)	(87.5%+95%/2)
<b>Bunyi Lelangit</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
j	17	42.5
q	17	42.5
X	22	55.0
<b>Bunyi Gelungan</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
zh	14	35.0
ch	27	67.5
sh	35	87.5
r	38	95.0
<b>Bunyi Sibilan</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
z	24	60.0
c	12	30.0
s	25	62.5

**Jadual 4.10 Perolehan Subjek Dalam Suku Kata Awalan**

#### 4.3.1.2 Keupayaan Pelajar Membezakan Suku Kata Awalan

Jadual 4.11 di bawah telah memaparkan keputusan perbezaan di antara kumpulan bunyi *aspirated* dan *unaspirated*. Oleh kerana setiap kumpulan mempunyai 4 soalan, maka cara pengiraan untuk mendapatkan bilangan yang betul adalah seperti berikut:

Bilangan yang betul = 4 soalan x 40 orang sample kajian
---

Berdasarkan dapatan kajian yang dipaparkan dalam jadual 4.11, didapati bahawa pelajar Melayu paling lemah dalam membezakan bunyi *aspirated* dan *unaspirated* kumpulan “z-c”. Subjek kajian adalah berkeupayaan rendah dalam membezakan bunyi kumpulan ini iaitu hanya 82 bilangan yang betul (51.3%). Di antara kumpulan-kumpulan bunyi *aspirated* dan *unaspirated* ini, kumpulan “g-k” dan “d-t” mencapai peratusan yang amat tinggi iaitu 94.4% dan 93.1%. Ini bermakna sebanyak 151 bilangan yang betul telah dicapai bagi kumpulan “g-k” dan 149 bilangan yang betul dicapai bagi golongan “d-t”. Seterusnya pencapaian bagi golongan yang lain mengikut urutan dari tinggi ke rendah adalah “b-p” (88.8%), “zh-ch” (78.8%) dan “j-q” 61.9%).

<b>Perbezaan Bunyi Aspirated dan Unaspirated</b>	<b>Bilangan yang betul (Jumlah=160)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
b-p	142	88.8
d-t	149	93.1
g-k	151	94.4
zh-ch	126	78.8
z-c	82	51.3
j-q	99	61.9

**Jadual 4.11 Perolehan Subjek Dalam Perbezaan Bunyi Aspirated Dan Unaspirated**

Bunyi Gelungan “zh dan ch ”, bunyi sibilan “z dan c” dan bunyi lengkit “j dan q” merupakan 3 golongan suku kata awalan yang paling sukar dikuasai oleh pelajar Melayu. Ramai pelajar Melayu berasa sukar untuk menyebut suku kata yang bermula dengan suku kata awalan tersebut kerana bunyi-bunyi tersebut tidak wujud dalam BM. Tambahan pula, perbezaan di antara 3 kumpulan ini juga mengelirukan pelajar. Mereka tidak dapat membezakannya di antara satu sama lain dan kebarangkalian salah sebut juga adalah tinggi. ( Zhuang et al. 2005, m.s.249-262)

Dari segi kemahiran mendengar pula, hasil dapatan kajian juga memaparkan pelajar lemah dalam membezakan 3 golongan suku kata awalan tersebut. Perbandingan kumpulan suku kata awalan dibahagikan kepada 3 golongan, iaitu “zh-z-j”, “ch-c-q” dan “sh-s-x”. Keputusan yang diperolehi dari perbezaan tersebut dipaparkan seperti jadual 4.12 di bawah.



Oleh kerana setiap kumpulan di bahagian ini mempunyai 6 soalan, maka cara pengiraan untuk mendapatkan bilangan yang betul adalah seperti berikut:

$$\text{Bilangan yang betul} = 6 \text{ soalan} \times 40 \text{ orang sampel kajian}$$

Berdasarkan jadual 4.12 di bawah, kita boleh merumuskan bahawa keupayaan pelajar adalah lemah dalam membezakan 3 golongan suku kata awalan tersebut. Perolehan peratusan yang paling tinggi di antaranya ialah “sh-s-x” yang hanya mencapai 170 bilangan yang betul atau 70.8% dan seterusnya diikuti oleh golongan “ ch-c-q” yang mencapai 160 bilangan yang betul atau 66.7%. Bagi “zh-z-j” pula, ia bukan sahaja mencatat bilangan jawapan betul yang paling kurang di antara ketiga-tiga golongan suku kata awalan dalam jadual 4.12, namun ia juga merupakan perolehan peratusan yang paling rendah dalam ketiga-tiga kumpulan perbandingan antara suku kata awalan (jadual 4.11, jadual 4.13 dan jadual 4.14), iaitu hanya 119 bilangan yang betul atau 49.6%.

<b>Perbezaan Bunyi Gelungan, Bunyi Sibilan Dan Bunyi Lelangit</b>	<b>Jawapan yang betul (Jumlah= 240)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
zh-z-j	119	49.6
ch-c-q	160	66.7
sh-s-x	170	70.8

**Jadual 4.12 Perolehan Sampel Dalam Kumpulan Perbezaan Bunyi Gelungan, Bunyi Sibilan Dan Bunyi Lelangit**

Bunyi gigi “n-l” bukan merupakan kelemahan utama pelajar Melayu. Kenyataan ini dapat disokong dengan dapatan kajian yang diperolehi dalam jadual 4.13. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa 93.1% pelajar berupaya untuk membezakan bunyi “n” dan “l” dari segi pendengaran.

Perbezaan Bunyi Gigi	Jawapan yang betul (Jumlah= 160)	Peratusan (%)
n-l	149	93.1

**Jadual 4.13 Perolehan Subjek Dalam Kumpulan Perbezaan Bunyi Gigi**

Bagi suku kata awalan yang lain seperti yang dinyatakan dalam jadual 4.14 di bawah, para subjek kajian juga telah menonjolkan keupayaan mereka dalam bahagian ini. Dapatan kajian yang diperolehi dalam bahagian suku kata awalan “h-w”, “f-h” dan “r-l” telah mencatat peratusan yang paling tinggi jika berbanding dengan lain ( jadual 4.11, jadual 4.12 dan jadual 4.13). Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu tidak menghadapi masalah dalam membezakan bunyi “r” dan “l” di mana semua pelajar atau 100% di antara mereka berjaya menjawab keenam-enam soalan dalam bahagian tersebut. Di samping itu, pencapaian subjek kajian dalam membezakan bunyi “f-h” juga amat memuaskan. Hanya terdapat 2 kesilapan yang berlaku bagi golongan “f-h” , atau dalam erti kata yang lain sebanyak 98.8% yang jawab betul.

Perbezaan Suku Kata Awalan Yang Lain	Bilangan yang betul (Jumlah= 160)	Peratusan (%)
f-h	158	98.8
r-l	160	100.0

**Jadual 4.14 Perolehan Subjek Dalam Kumpulan Perbezaan Suku Kata Awalan Yang Lain**

### 4.3.2 Suku Kata Akhiran

Bahagian kedua dalam ujian pendengaran kali pertama yang diberi kepada subjek kajian ialah menguji keupayaan mereka dalam mentranskripsikan suku kata akhiran secara keseluruhan. Sebuah puisi Suku Kata Akhiran (韵母诗) yang bertajuk Bu Yu (捕鱼) ( Zhou 1995, m.s.34) dijadikan sebagai soalan untuk bahagian ini kerana puisi ini merangkumi semua suku kata akhiran yang terkandung dalam HP. Seterusnya bahagian kedua dalam ujian kali kedua, soalan perbezaan suku kata akhiran diberi kepada subjek untuk melihat keupayaan mereka membezakan sebutan bunyi yang hampir sama atau bunyi yang mungkin mengelirukan mereka.

#### 4.3.2.1 Keupayaan Pelajar Mentranskripsikan Suku Kata Akhiran

Suku kata akhiran dalam bahagian ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu vokal tunggal, vokal majmuk, vokal sengau dan vokal gelungan mengikut cara pembentukannya seperti yang disenaraikan dalam jadual 4.15, 4.16, 4.17 dan 4.18.

<b>Vokal Tunggal</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
a [A]	33	82.5
o [o]	15	37.5
e [ɤ]	36	90.0
ê [ɛ]	20	50.0
i [i]	37	92.5
-i [ɪ]	18	45.0
-i [ɨ]	20	50.0
u [u]	35	87.5
ü [y]	34	85.0

**Jadual 4.15 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Tunggal**

Jadual 4.15 di atas telah memaparkan keupayaan subjek dalam usaha mentranskripsikan vokal tunggal suku kata akhiran. Keputusan yang diperolehi dalam bahagian ini secara keseluruhannya adalah amat memuaskan. Pencapaian vokal tunggal “a”, “e”, “i”, “u” dan “ü” menunjukkan bahawa 33-37 orang subjek (82.5% - 92.5%) yang berupaya mentranskripsikan bunyi-bunyi tersebut dalam aspek pendengaran. Pencapaian yang cemerlang ini dikecualikan bagi vokal tunggal “ê” dan “-i” [ɨ], di mana hanya separuh daripada bilangan subjek (50%) berjaya mentranskripsikan sebutan tersebut. Manakala bagi bunyi “-i” [ɪ] dan “o” masing-masing hanya terdapat 18 orang dan 15 orang daripada 40 orang subjek yang berjaya mentranskripsikan bunyi tersebut. Ini bermakna, kurang daripada separuh bilangan sampel iaitu 45.0% dan 37.5% yang berjaya menjawab soalan ini.

<b>Vokal Majmuk</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
ai	33	82.5
ao	28	70.0
ei	32	80.0
ia	40	100.0
ie	28	70.0
iao	22	55.0
iou/iu	18	45.0
ou	29	72.5
ua	36	90.0
uo	30	75.0
uai	37	92.5
uei/ui	26	65.0
üe	36	90.0

**Jadual 4.16 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Majmuk**

Jadual 4.16 menunjukkan perolehan subjek dalam bahagian vokal majmuk. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa subjek berupaya mentranskripsikan vokal majmuk seperti bunyi “ai” (82.5%), “ei”(80%), “ia” (100%), “ua” (90.0%), “uo” (75.0%), “uai” (92.5%), dan “üe” (90.0%). Di antaranya, bunyi “ia” telah mencatat perolehan yang paling tinggi iaitu 100% bilangan yang betul. Seterusnya pencapaian subjek dalam vokal majmuk “ao”, “ie” adalah sebanyak 70.0% bilangan yang betul dan “ou” pula

mencatat 72.5% bilangan yang betul. Untuk vokal majmuk “iao” pula terdapat 55.0% subjek kajian yang berjaya mentranskripsikan vokal tersebut. Sebutan bunyi vokal yang pelajar paling lemah ialah vokal majmuk “iou/iu”, iaitu hanya 45.0% pelajar yang berjaya dalam kategori ini.

<b>Vokal Sengau</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
an	39	97.5
ang	34	85.0
en	38	95.0
eng	33	82.5
in	30	75.0
ing	31	77.5
ian	7	17.5
iang	36	90.0
iong	25	62.5
ong	38	95.0
uan	35	87.5
uang	39	97.5
uen/un	16	40.0
ueng	39	97.5
ün	31	77.5
üan	16	40.0

**Jadual 4.17 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Sengau**

Perolehan subjek dalam bahagian vokal sengau dipaparkan dalam jadual 4.17 di atas. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar berupaya untuk mentranskripsikan vokal majmuk seperti “an” (97.5%), “ang” (85.0%), “en” (95.0%), “eng”(82.5%), “in” (75.0%), “ing” (77.5), “iang” (90.0%), “ong” (95.0%), “uan” (87.5%), “uang” (97.5%), “ueng” (97.5%) dan “ün” (77.5%) yang telah mencapai peratusan yang memuaskan.

Menurut Zhuang dan rakan penyelidikannya (2005, m.s. 249-262) serta Goh (2009, m.s.75-82), pelajar Melayu lemah dalam menyebut bunyi “ü” atau suku kata yang mengandungi bunyi ini kerana bunyi tersebut tidak wujud dalam sistem fonetik bahasa Melayu. Namun begitu, hasil kajian ini telah memaparkan satu kenyataan di mana pelajar Melayu walaupun lemah dalam menyebut bunyi “ü” , tapi mereka tidak semestinya lemah dalam mentranskripsikan semua bunyi yang mengandungi bunyi “ü”. Ini dapat dibuktikan dengan perolehan 77.5% yang betul untuk “ün” dalam ujian yang diberikan.

Keupayaan pelajar bagi vokal majmuk yang lain pula memaparkan tahap yang berbeza. Untuk vokal “iong”, 62.5% pelajar telah berjaya mentranskripsikan sebutan vokal tersebut. Bagi vokal “ian”, “uen/un” dan “üan”, hasil pencapaiannya adalah tidak memuaskan. Jadual 4.17 di atas telah menunjukkan bahawa subjek sangat lemah dalam mentranskripsikan vokal “ian” , iaitu hanya 7 orang subjek (17.5%) yang berjaya menjawab soalan ini. Bagi vokal “uen/un” dan “üan” pula, hasil kajian menunjukkan bahawa subjek lemah dalam mentranskripsikan kedua-dua vokal ini, iaitu hanya 16

orang subjek (40.5%) yang berjaya mentranskripsikan kedua-dua sebutan bunyi ini. Keputusan ini bercanggah dengan dapatan kajian Goh (2009, m.s. 75-82). Beliau telah membuktikan pelajar Melayu kurang menghadapi masalah menyebut “üan”. Maka pengkaji berpendapat bahawa kelemahan kemahiran mendengar tidak semestinya bererti pelajar tersebut juga lemah dalam aspek menyebut.

<b>Vokal Gelungan</b>	<b>Bilangan Yang Betul (Jumlah=40)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
er	20	50.0

**Jadual 4.18 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Vokal Gelungan**

Menurut Yu Wei (余维), bunyi “er” adalah sebutan yang sukar bagi pelajar Jepun. Ini kerana bunyi tersebut tidak wujud dalam bahasa Jepun. Walau bagaimanapun, menurut beliau, kesukaran sebutan “er” masih dapat diatasi oleh pelajar Jepun. (Sun 2006, m.s.228-248) Keadaan yang sama juga berlaku dalam kalangan subjek kajian. Jadual 4.18 menunjukkan bahawa hanya 1/2 daripada jumlah subjek yang berupaya mentranskripsikan vokal gelungan “er”. Namun begitu, bunyi gelungan ini bukan merupakan bunyi yang paling sukar bagi subjek kajian memandangkan hanya separuh subjek kajian dapat mentranskripsikannya dalam ujian mendengar yang dijalankan.

#### 4.3.2.2 Keupayaan Pelajar Membezakan Suku Kata Akhiran

Dalam bahagian ini, beberapa kumpulan suku kata akhiran ditadbir untuk menguji keupayaan pelajar Melayu dalam membezakannya dari aspek kemahiran mendengar.



Latihan perbandingan yang ditabir oleh Wu Jiemin (2003, m.s. 78-100) telah dijadikan sebagai panduan utama semasa pengkaji menyediakan soalan untuk bahagian ini.

Jadual 4.19, 4.20 dan 4.21 telah menunjukkan dapatan yang diperolehi dalam ujian kali kedua.

<b>Perbezaan Vokal Tunggal</b>	<b>Bilangan yang betul (Jumlah= 80)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
e-o	80	100
u-o	80	100

**Jadual 4.19 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Tunggal**

Jadual 4.19 di atas jelas menonjolkan keupayaan subjek dalam membezakan bunyi kumpulan vokal “e-o” dan “u-o” dari segi pendengaran adalah 100% yang betul. Dalam ujian pertama, keupayaan subjek mentranskripsikan vokal “o” hanya mencapai 37.5% yang betul (jadual 4.15) Maka ini telah membuktikan bahawa subjek lebih sanggup membezakan sebutan vokal ini sekiranya mereka diberi pilihan terhad seperti perbandingan vokal “e” dan “o” atau “u” dan “o” dalam ujian mendengar kedua.

<b>Perbezaan Vokal Majmuk</b>	<b>Bilangan yang betul (Jumlah= 160)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
ai-ei	153	95.6
ao-ou	150	93.8
ou-uo	157	98.1

**Jadual 4.20 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Majmuk**

Dari segi perbezaan vokal majmuk, pencapaian yang diperolehi oleh para subjek juga amat mengalakkan. Ketiga-tiga kumpulan iaitu “ai-ei”, “ao-ou” dan “ou-uo” berjaya dibezakan oleh subjek kajian di mana peratusan perolehan bilangan yang betul mereka ialah 95.6% untuk kumpulan vokal “ai-ei”, 93.8% untuk kumpulan vokal “ao-ou” dan untuk kumpulan vokal “ou-uo” pula, hanya 2 bilangan kesilapan yang berlaku dan peratusan perolehan bilangan yang betul iaitu 98.1%.

<b>Perbezaan Vokal Sengau</b>	<b>Bilangan yang betul (Jumlah= 160)</b>	<b>Peratusan (%)</b>
an-ang	159	99.4
en-eng	157	98.1
ai-an	158	98.6
in-ing	114	71.3
ian-üan	142	88.6

**Jadual 4.21 Perolehan Subjek Dalam Bahagian Perbezaan Vokal Sengau**

Perolehan subjek kajian dalam jadual 4.21 menunjukkan bahawa perbezaan vokal sengau yang dilakukan oleh subjek kajian pada keseluruhannya adalah memuaskan. Di antaranya, hanya kumpulan vokal “in-ing” yang mencatat 71.3% bilangan yang betul merupakan perolehan yang paling rendah dalam ujian perbezaan vokal suku kata akhiran. Bagi kumpulan vokal “an-ang”, “en-eng”, “ai-an” dan “ian-üan” masing-masing mencatat peratusan perolehan yang tinggi, iaitu 99.4%, 98.1%, 98.75% dan 88.6%. Perlu diberi perhatian bahawa vokal “ian” telah mencatat peratusan perolehan yang paling rendah dalam ujian pertama, iaitu 17.5% yang berjaya

mentranskripsikan sebutan vokal ini (jadual 4.17) kini telah mencatat peratusan perolehan yang tinggi dalam ujian perbezaan vokal suku kata akhiran. Maka sekali lagi membuktikan bahawa pelajar lebih berupaya membezakan sebutan bunyi yang lebih kurang sama jika sekiranya mereka diberi pilihan jawapan untuk membuat perbandingan.

### 4.3.3 Nada

Nada Bahasa Cina	Bilangan Betul Terkumpul (Jumlah= 200)	Peratusan (%)
Nada Pertama	150	75.0
Nada Kedua	135	67.5
Nada Ketiga	193	96.5
Nada Keempat	167	83.5

**Jadual 4.22 Perolehan Subjek Kajian Dalam Bahagian Nada Bahasa Mandarin**

Jadual 4.22 di atas telah memaparkan keupayaan subjek kajian dalam membezakan nada bahasa Mandarin. Menurut Zhuang Xingfa dan rakan penyelidikannya (2005, m.s.249-262), pembacaan nada kedua dan nada ketiga dalam bahasa Mandarin merupakan masalah utama bagi pelajar Melayu. Manakala kajian Mok dan rakan-rakannya (2009, m.s. 116-126) pula mendapat keputusan bahawa nada kedua dan nada keempat merupakan sebutan yang paling kerap disebut salah oleh pelajar Melayu. Terdapat juga sesetengah pelajar perempuan yang berbahasa Inggeris berpendapat bahawa diri sendiri tidak dapat menyebut nada ketiga dengan baik adalah kerana nada

ketiga terlalu rendah bunyinya, nada ini hanya sesuai bagi lelaki. (Sun 2006, m.s.274-281) Dalam aspek kemahiran mendengar, dapatan kajian pengkaji telah menunjukkan dapatan yang berlainan dengan hasil kajian Zhuang dan Mok. Antara keempat-empat nada ini, didapati bahawa pelajar lebih berupaya membezakan nada ketiga di mana bilangan betul yang terkumpul adalah sebanyak 193 atau 96.5%. Ini diikuti oleh nada keempat yang mencatat bilangan betul terkumpul sebanyak 167 atau 83.5% dan seterusnya nada pertama merupakan nada yang ketiga yang dapat dikuasai oleh para subjek kajian antara keempat-empat nada bahasa Mandarin. Bagi pelajar Melayu, nada kedua merupakan nada yang paling sukar dikuasai. (Lee 2007, m.s.197) Dapatan kajian pengkaji juga memaparkan kelemahan yang sama dalam aspek kemahiran mendengar bagi pelajar Melayu. Perolehan bilangan betul terkumpul untuk nada kedua adalah paling rendah iaitu 135 atau 67.5% jika dibanding dengan perolehan nada yang lain.

#### **4.4 Kumpulan Kesilapan Dalam Kemahiran Mendengar Sebutan Fonetik Bahasa Mandarin**

Dalam usaha menganalisis kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian, pengkaji telah mengkategorikan kesilapan yang berlaku dalam 3 kumpulan iaitu kesilapan terkumpul utama, kesilapan terkumpul kedua dan kesilapan terkumpul yang lain. Kesilapan terkumpul utama merujuk kepada kesilapan yang sama yang dilakukan oleh subjek kajian mencatat bilangan yang paling tinggi. Kesilapan terkumpul kedua pula merujuk kepada kesilapan yang sama yang dilakukan oleh subjek kajian mencatat bilangan yang kedua tinggi manakala kesilapan terkumpul yang lain pula merujuk kepada kesilapan

yang sama yang dilakukan oleh subjek kajian selain daripada kesilapan terkumpul utama dan kesilapan terkumpul kedua. Sebagai contoh, jika sekiranya terdapat 18 orang subjek kajian salah mentranskripsikan suku kata awalan “j”, di mana antaranya 9 orang telah mentranskripsikannya sebagai “q”, 5 orang mentranskripsikannya sebagai “c” , 2 orang mentranskripsikannya sebagai “x” dan 2 orang mentranskripsikannya sabagai “i”, maka pengkaji akan mengategorikan “q” sebagai kesilapan terkumpul utama, “c” sebagai kesilapan terkumpul kedua manakala “x” dan “i” sebagai kesilapan terkumpul yang lain.

#### 4.4.1 Suku Kata Awalan

Bunyi Bibir	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
b	p	6	100	-	-	-	-	-	6
p	b	3	100	-	-	-	-	-	3
m	n	1	100	-	-	-	-	-	1

**Jadual 4.23 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Bibir**

Jadual 4.23 di atas menunjukkan kesilapan yang terkumpul untuk bunyi bibir. Jadual ini menunjukkan bahawa semua kesilapan yang berlaku untuk bunyi bibir “b” dan “p”

adalah kerana pelajar keliru antara bunyi *aspirated* “p” dan *unaspirated* “b”. Manakala untuk bunyi bibir “m” pula menunjukkan kekeliruan berlaku antara bunyi bibir “m” dan bunyi gigi “n”. Namun begitu, kesilapan yang berlaku adalah tidak banyak iaitu terdapat hanya 1 bilangan yang terkumpul untuk kesilapan ini.

Bunyi Gigi	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
d	t	2	100	-	-	-	-	-	2
t	d	9	100	-	-	-	-	-	9
n	m	9	100	-	-	-	-	-	9

**Jadual 4.24 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gigi**

Di antara bunyi gigi yang disenaraikan dalam jadual 4.24, didapati bahawa kesilapan yang berlaku juga disebabkan kekeliruan pelajar dalam bunyi *aspirated* dan *unaspirated*. Sebanyak 11 bilangan kesilapan yang terkumpul untuk bunyi gigi “d” dan “t” menunjukkan semua kesilapan yang berlaku adalah kerana pelajar tidak dapat membezakan bunyi *aspirated* “t” dan *unaspirated* “d”. Manakala untuk bunyi bibir “n” pula menunjukkan bahawa semua kesilapan berlaku adalah disebabkan kekeliruan pelajar dengan bunyi bibir “m”, iaitu terdapat 9 bilangan kesilapan yang terkumpul untuk bunyi “n”.

Bunyi Gutural	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
g	k	10	62.5	q	5	31.3	1	6.3	16
k	g	3	50.0	kh	1	16.7	2	33.3	6
h1	p	4	80.0	ch	1	20.0	-	-	5
h2	p	1	50.0	-	-	-	-	-	2
	k	1	50.0						

**Jadual 4.25 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gutural**

Jadual 4.25 telah memaparkan kesilapan yang terkumpul untuk bunyi gutural. Kekeliruan yang wujud antara bunyi *aspirated* “k” dan *unaspirated* “g” telah menyumbang lebih daripada 50.0% (masing-masing ialah 62.5% dan 50.0%) kesilapan berlaku. Bagi sebutan bunyi gutural “h” pula, oleh kerana bunyi “h” wujud dua kali dalam puisi suku kata awalan, maka h1 mewakili sebutan bunyi gutural “h” yang pertama, manakala h2 pula mewakili sebutan bunyi “h” kali yang kedua. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa subjek kajian keliru antara sebutan bunyi gutural “h” dengan bunyi bibir “p”, iaitu sebanyak 5 bilangan kesilapan yang terkumpul.

Bunyi Lelangit	Kesilapan terkumpul (utama)			Kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
j	q	11	47.8	ch	6	26.1	6	26.1	23
q	ch	9	39.1	x	6	26.1	8	34.8	23
x	s	9	50.0	sh	6	33.3	3	16.6	18

**Jadual 4.26 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Lelangit**

Dari Jadual 4.26 yang menunjukkan kesilapan terkumpul untuk bunyi lelangit, nyata sekali terpaparnya 2 punca utama berlakunya kesilapan iaitu kekeliruan antara bunyi *aspirated* “q” dan *unaspirated* “j” serta kekeliruan pelajar dalam bunyi lelangit “q” dengan bunyi gelungan “ch” dan bunyi lelangit “x” dengan bunyi sibilan “s”. Seramai 11 daripada 23 orang pelajar yang berlaku kesilapan (47.8%) telah mentranskripsikan bunyi lelangit *unaspirated* “j” sebagai bunyi lelangit *aspirated* “q”. Bagi bunyi lelangit “q”, seramai 9 daripada 23 orang subjek kajian yang berlaku kesilapan telah mentranskripsikan bunyi ini sebagai bunyi gelungan “ch” dan akhir sekali untuk bunyi lelangit “x”, 50% kesilapan berlaku kerana mereka telah mentranskripsikannya sebagai bunyi sibilan “s”.



Bunyi Sibilan	Kesilapan terkumpul (utama)			Kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
z	zh	12	75.00	ch	2	12.50	2	12.50	16
c	ch	8	28.6	z	5	17.9	7	25.0	28
	zh	8	28.6						
s	sh	9	60.0	x	4	26.7	2	13.3	15

**Jadual 4.27 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Sibilan.**

Bunyi Sibilan merupakan bunyi yang bermasalah bagi kebanyakan pelajar asing, misalnya mereka yang berbahasa Inggeris, Thai dan Kemboja. (Sun 2006, m.s. 274-281, 298-307, 307-317) Dapatan pengkaji juga menunjukkan pelajar Melayu adalah lemah dalam golongan bunyi Sibilan. Jadual 4.27 yang menunjukkan kesilapan terkumpul untuk bunyi sibilan telah nyata sekali menonjol subjek kajian keliru antara bunyi sibilan dengan bunyi gelungan. Lebih daripada separuh subjek kajian melakukan kesilapan ini. Misalnya dalam kalangan bunyi sibilan, 75% kesilapan berlaku kerana telah mentranskripsikan bunyi “z” sebagai bunyi gelungan “zh”, dan 60.0% kesilapan berlaku dalam bunyi “s” sebagai bunyi gelungan “sh”. Di samping itu, terdapat 57.1% kesilapan berlaku kerana subjek kajian berasa keliru antara bunyi sibilan “c” dengan bunyi gelungan “ch” dan “zh”, masing-masing mencatat sebanyak 28.6% dalam bilangan kesilapan yang utama.

Bunyi Gelungan	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
zh	ch	16	61.5	z	5	19.2	5	19.2	26
ch	zh	5	38.5	z	2	15.4	2	15.4	13
				c	2	15.4			
				j	2	15.4			
sh	x	2	40.00	zh	1	20.00	-	-	5
				ch	1	20.00			
				s	1	20.00			
r	re	2	100.00	-	-	-	-	-	2

**Jadual 4.28 Kesilapan Terkumpul Untuk Bunyi Gelungan**

Menurut Xie Xiaoli (谢小丽), bunyi “zh”, “ch”, “sh” dan “r” merupakan bunyi yang bermasalah bagi pelajar Jepun. (Zhou & Zhu 2006, m.s.319-330) Keadaan yang sama juga berlaku dalam kalangan pelajar Korea (Sun 2006, m.s. 258-266). Hasil kajian pengkaji juga telah menunjukkan bahawa kekeliruan antara bunyi *aspirated* dan *unaspirated* telah mempengaruhi keupayaan pelajar Melayu membezakan bunyi gelungan “zh” dan “ch”. Sebanyak 61.5% kesilapan yang berlaku adalah kerana subjek kajian telah mentranskripsikan bunyi “zh” sebagai bunyi “ch” dan di sebaliknya 38.5% kesilapan berlaku atas sebab mereka telah salah mentranskripsikan bunyi “ch” sebagai “zh”. Seterusnya, kekeliruan bunyi “sh” sebagai bunyi langit “x” juga merupakan salah satu jenis kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian. Selain daripada kekeliruan yang berlaku antara bunyi-bunyi suku kata awalan, terdapat juga

subjek kajian yang kurang pengetahuan HP di mana 2 kesilapan dilakukan kerana telah mentranskripsikan bunyi gelungan “r” sebagai “re” yang bukan merupakan suku kata awalan dalam sistem HP.

Dengan hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi dalam bahagian ini, kita boleh merumuskan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian boleh dibahagikan kepada beberapa kumpulan seperti dalam jadual 4.29. Klasifikasi kesilapan ini adalah berdasarkan kesilapan terkumpul yang utama seperti dalam jadual 4.23, 4.24, 4.25, 4.26, 4.27 dan 4.28.

#### 4.4.2 Kategori Kesilapan Suku Kata Awalan

Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengklasifikasikan kesilapan suku kata awalan yang dilakukan oleh subjek kajian dengan berdasarkan kesilapan terkumpul utama ( lampiran D) kepada 7 kategori seperti jadual di bawah :

No.	Kategori Kesilapan	Bilangan Kesilapan	Peratusan (%)	Bilangan terkumpul	Peratusan (%)
1	Kekeliruan antara bunyi <i>aspirated</i> dan <i>unaspirated</i>	5	33.3	67	44.9
2	Kekeliruan antara bunyi gutural dan bunyi bibir	1	6.7	5	3.4
3	Kekeliruan antara bunyi bibir dan bunyi gigi	1	6.7	10	6.7
4	Kekeliruan antara bunyi langit dan bunyi gelungan	2	13.3	11	7.4
5	Kekeliruan antara bunyi langit dan bunyi sibilan	1	6.7	9	6.0
6	Kekeliruan antara bunyi sibilan dan bunyi gelungan	4	26.7	45	30.2

7	Kekeliruan di luar pengetahuan	1	6.7	2	1.3
Jumlah		<b>15</b>	<b>100</b>	<b>149</b>	<b>100</b>

**Jadual 4.29 Klasifikasi Kesilapan Mentranskripsikan Suku Kata Awalan**

Dari jadual 4.29 di atas, nyata sekali bahawa di antara kategori-kategori kesilapan yang dapat dikesan, kekeliruan antara bunyi *aspirated* dan *unaspirated* merupakan kesilapan yang paling ketara berlaku dalam kalangan subjek kajian, iaitu 33.3% bilangan kesilapan. Antara kesilapan kategori ini termasuk b-p/p-b, d-t/t-d, g-k/k-g, j-q/q-j dan zh-ch/ch-zh. Pengkaji telah mendapat hasil kajian yang sama dengan Lin Yigao (林奕高) dan Wang Gongping (王功平) (2005, m.s.59-65). Menurut Lin dan Wang, salah satu kesilapan utama pelajar Indonesia ialah menyebutkan bunyi *aspirated* sebagai bunyi *unaspirated*. Ini telah menunjukkan bahawa keunikan sebutan fonetik sebenarnya mengelirukan pelajar kerana bunyi-bunyi ini tidak wujud dalam bahasa ibunda mereka. Selain daripada itu, kekeliruan antara sebutan bunyi sibilan dan bunyi gelungan seperti z-zh/zh-z, c-ch/ch-c, c-zh dan s-sh/sh-s pula menyumbang peratusan bilangan kesilapan yang kedua tinggi iaitu 26.7% dan iaitu 13.3% bilangan kesilapan. Contoh kesilapan kategori ini ialah q-ch dan sh-x. Manakala bagi kekeliruan yang berlaku antara bunyi gutural dan bunyi bibir (h-p), bunyi bibir dan bunyi gigi (m-n/n-m), bunyi langit dan bunyi sibilan (x-s) serta kekeliruan di luar jangkauan (r-re), keempat-empat kategori kesilapan ini telah mencatat 6.7% bilangan kesilapan di mana ia merupakan jenis kesilapan yang paling tidak ketara yang berlaku dalam kalangan subjek kajian.

#### 4.4.3 Suku Kata Akhiran

Vokal Tunggal	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Kesilapan	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
a	e	5	71.4	-	-	-	2	28.6	7
o	uo	19	76.0	oa	4	16.0	2	8.0	25
e	er	3	75.0	en	1	25.0	-	-	4
ê	ae	7	35.0	a	5	25.0	8	40.0	20
i	ie	2	66.7	-	-	-	1	33.3	3
-i [ɪ]	e	18	81.8	er	3	13.6	1	4.5	22
-i [ɪ]	e	15	75.0	er	3	15.0	2	10.0	20
u	ü	3	60.0	-	-	-	2	40.0	5
ü	ue	3	50.0	ui	1	16.7	-	-	6
				üe	1	16.7			
				ei	1	16.7			

**Jadual 4.30 Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Tunggal**

Jadual 4.30 di atas memaparkan kesilapan yang terkumpul untuk vokal tunggal. Menurut Lu Jianji (鲁建骥) (Wang 1997, m.s.50-63), bunyi -i [ɪ] dan -i [ɪ] biasanya merupakan bunyi yang bermasalah bagi pelajar yang berbahasa Inggeris. Dapatan pengkaji juga mendapati bahawa subjek kajian berasa keliru antara vokal tunggal -i [ɪ], -i [ɪ]. Misalnya bagi vokal tunggal -i [ɪ] dan -i [ɪ], subjek kajian telah mentranskripsikan bunyi ini sebagai “e”, iaitu kesilapan masing-masing telah mencatat

81.8% dan 75%. Selain itu, kekeliruan antara vokal tunggal dan vokal majmuk juga menyumbang tinggi dalam kesilapan yang dilakukan oleh subjek kajian. Di antaranya, sebanyak 76% kesilapan berlaku disebabkan oleh kerana subjek kajian telah mentranskripsikan vokal “o” sebagai “uo” dan 66.7% kesilapan berlaku kerana mereka mentranskripsikan vokal “i” sebagai “ie” . Pentranskripsian subjek untuk vokal “ü” sebagai “ue” pula mencatat 50% daripada kesilapan yang berlaku. Di samping itu, terdapat 75% kesilapan-kesilapan terkumpul yang utama bagi vokal “e” yang telah silap ditranskripsikan sebagai vokal gelungan “er”. Bagi kesilapan yang berlaku dalam vokal “a”, 71.4% tersilap ditranskripsikan sebagai vokal tunggal iaitu “e” dan untuk vokal “u” pula, 60% tersilap ditranskripsikan sebagai “ü”. Bunyi “ê” juga merungsingkan pelajar di mana mereka telah mentranskripsikan bunyi “ê” sebagai “ae” dan menyumbang kepada 35% kesilapan terkumpul yang utama.

Vokal Majmuk	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
ai	i	5	83.3	-	-	-	1	16.7	6
ao	ou	8	66.7	au	3	25.0	1	8.3	12
ei	ai	3	37.5	-	-	-	2	25.0	8
	ie	3	37.5						
ie	ue	6	50.0	ei	2	16.7	4	33.3	12
iao	iau	9	50.0	iou	5	27.8	4	22.2	18

iou/iu	io	10	41.7	iao	7	29.2	7	29.2	24
ou	o	5	41.7	ao	3	25.0	4	33.3	12
ua	oa	4	80.0	ou	1	20.0	-	-	4
uo	o	4	44.4	ua	3	33.3	2	22.2	9
uai	ui	1	50.0	-	-	-	-	-	2
	ai	1	50.0						
uei/ui	ue	8	57.1	-	-	-	6	28.6	14
üe	ü	4	80.0	uer	1	20.0	-	-	5

**Jadual 4.31 Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Majmuk**

Dari jadual 4.31, didapati bahawa kekeliruan antara bunyi vokal tunggal dan vokal majmuk telah menyumbang kepada berlakunya kesilapan dalam mentranskripsikan vokal majmuk. Di antaranya, 83.3% kesilapan terkumpul telah menunjukkan subjek kajian tersilap mentranskripsikan vokal “ai” sebagai “i” dan 80% pula tersilap mentranskripsikan vokal “üe” sebagai “ü”. Bagi vokal “ou” pula, 41.7% kesilapan yang terkumpul ialah vokal “o” dan untuk vokal “uo”, 44.4% kesilapan yang terkumpul ialah vokal “o”. Terdapat juga kekeliruan yang berlaku dalam kalangan vokal majmuk, iaitu 66.7% kesilapan berlaku kerana subjek kajian telah mentranskripsikan vokal “ao” sebagai “ou”, 37.5% kesilapan terkumpul bagi vokal “ei” sebagai “ai”, dan bagi vokal “ie”, 50% kesilapan terkumpul bagi vokal “ie” sebagai “ue”, 50% kesilapan terkumpul bagi vokal “uai” sebagai “ui” dan “ai”, akhir sekali 57.1% kesilapan terkumpul bagi vokal “uei/ui” sebagai “ue”. Selain daripada 2 jenis kekeliruan yang telah dikenalpasti, didapati terdapat juga subjek kajian yang tidak

menguasai pengetahuan HP sehingga mewujudkan suku kata akhiran yang baru dalam sistem HP. Misalnya untuk vokal “iao”, sebanyak 50% daripada jumlah kesilapan terkumpul ditranskripsikan sebagai vokal “iau” dan untuk vokal “iou/iu”, terdapat 41.7% daripada kesilapan terkumpul ditranskripsikan sebagai “io” yang bukan merupakan vokal suku kata akhiran bahasa Mandarin. Keadaan yang sama juga berlaku pada vokal “ua”, di mana terdapat 4 daripada 5 bilangan kesilapan terkumpul (80%) ditranskripsikan sebagai bunyi “oa” yang tidak wujud dalam fonetik bahasa Mandarin.

Vokal Sengau	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
an	un	1	100.00	-	-	-	-	-	1
ang	an	4	66.7	ung	1	16.7	-	-	6
				un	1	16.7			
en	eng	2	100.00	-	-	-	-	-	2
eng	ong	5	71.4	-	-	-	2	28.6	7
in	ing	6	60.0	ieng	3	30.0	1	10.0	10
ing	in	6	66.7	en	2	22.2	1	11.1	9
ian	ien	22	66.7	ein	4	12.1	7	21.2	33
iang	ang	4	100.0	-	-	-	-	-	4



iong	ou	8	53.3	oung	4	26.7	3	20.0	15
ong	hong	1	50.0	-	-	-	-	-	2
	ung	1	50.0						
uan	un	3	60.0	-	-	-	2	40.0	5
uang	uan	1	100.0	-	-	-	-	-	1
uen/ un	en	14	58.3	uan	8	33.3	2	8.3	24
ueng	en	1	100.00	-	-	-	-	-	1
ün	üen	2	22.2	in	1	11.1	4	44.4	9
	uen	2	22.2						
üan	uen	19	79.2	un	2	8.3	3	12.5	24

**Jadual 4.32 Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Sengau**

Dalam kesilapan yang terkumpul untuk vokal sengau seperti yang dipapar dalam jadual 4.32, didapati bahawa kekeliruan dalam kalangan vokal sengau merupakan punca utama yang menyebabkan kesilapan berlaku. Kekeliruan dalam vokal sengau dapat dibahagikan kepada 2 kumpulan, iaitu kekeliruan yang berlaku dalam kalangan vokal majmuk secara umum dan kekeliruan yang berlaku di antara vokal sengau hadapan dan vokal sengau belakang.

Misalnya dalam kumpulan kekeliruan yang pertama, seramai 19 daripada 24 kesilapan terkumpul (79.2%) telah mentranskripsikan vokal “üan” sebagai vokal sengau “uen”. Satu contoh lagi ialah vokal “uen/un”, seramai 14 daripada 24 kesilapan terkumpul (58.3%) telah mentranskripsikan vokal ini sebagai vokal “en”.

Bagi kumpulan yang kedua, iaitu kekeliruan antara vokal sengau hadapan dan vokal sengau belakang, misalnya seramai 6 daripada 9 kesilapan terkumpul (66.7%) telah mentranskripsikan vokal sengau belakang “ing” sebagai vokal sengau hadapan “in” dan di sebaliknya 6 daripada 10 kesilapan terkumpul (60.0%) telah mentranskripsikan vokal sengau hadapan “in” sebagai vokal sengau belakang “ing”.

Selain itu, terdapat juga subjek yang lemah dalam pengetahuan HP sehingga seramai 22 daripada 33 kesilapan terkumpul (66.7%) telah mentranskripsikan vokal sengau “ian” ([iɛn]) sebagai bunyi “ien” ([iɛn]). Walaupun bunyi “ian” ([iɛn]) sememangnya adalah berbunyi “ien” ([iɛn]), namun ia ditulis sebagai “ian” dalam sistem HP. Ini menunjukkan kesilapan ini berlaku kerana pengetahuan sistem HP subjek kajian tidak mencukupi. Bagi vokal “ong”, terdapat 1 kesilapan terkumpul kerana subjek kajian telah mentranskripsikan vokal ini sebagai “hong” dan 1 lagi sebagai “ung”. Kedua-dua bunyi “hong” dan “ung” bukan merupakan suku kata akhiran bahasa Mandarin. Walaupun bunyi “ong” ([uŋ]) memang berbunyi “ung” ([uŋ]), namun seperti kesilapan yang berlaku di atas, bunyi ini ditulis sebagai “ong” dalam fonetik bahasa Mandarin. Sekali lagi membuktikan bahawa subjek kajian lemah dalam pengetahuan sistem HP.

Vokal Gelungan	Kesilapan terkumpul (utama)			kesilapan Terkumpul (Kedua)			Kesilapan terkumpul (lain-lain)		Bilangan Kesilapan
	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Jenis	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	Bil. Terkumpul	Peratusann (%)	
er	ar	10	45.5	r	6	27.3	6	27.3	22

**Jadual 4.33 Kesilapan Terkumpul Untuk Vokal Gelungan**

Jadual 4.33 telah menunjukkan kesilapan yang terkumpul untuk vokal gelungan. Keputusan yang diperolehi telah menunjukkan subjek kajian telah mentranskripsikan vokal “er” sebagai bunyi “ar”. Peratusan kesilapan ini telah mencatat 45.5% dalam kalangan kesilapan yang terkumpul.

#### 4.4.4 Kategori Kesilapan Suku Kata Akhiran

Pengkaji telah mengklasifikasikan kesilapan suku kata akhiran yang dilakukan oleh subjek kajian dengan berdasarkan kesilapan terkumpul utama ( lampiran f) kepada 8 kategori seperti jadual di bawah :

No.	Kategori Kesilapan	Bilangan Kesilapan	Peratusan (%)	Bilangan terkumpul	Peratusan (%)
1	Kekeliruan antara vokal tunggal	4	10.0	41	15.9
2	Kekeliruan antara vokal tunggal dan vokal majmuk	6	15.0	42	16.3
3	Kekeliruan antara vokal tunggal dan vokal gelungan	1	2.5	3	1.2
4	Kekeliruan antara vokal sengau dan vokal majmuk	1	2.5	8	3.1

5	Kekeliruan dalam kalangan vokal majmuk	7	17.5	30	11.6
6	Kekeliruan dalam kalangan vokal sengau	9	22.5	51	19.8
7	Kekeliruan di antara vokal sengau hadapan dan vokal sengau belakang	4	10.0	19	7.4
8	Kekeliruan di luar pengetahuan	8	20.0	64	24.8
	Jumlah	40	100	258	100

**Jadual 4.34 Kategori Kesilapan Dalam Mentranskripi Suku Kata Akhiran**

Dari Jadual 4.34, didapati kekeliruan dalam kalangan vokal sengau mencatat peratusan bilangan kesilapan yang tertinggi, iaitu sebanyak 22.5%. Ini diikuti dengan kategori kekeliruan di luar pengetahuan sebanyak 20% dalam bilangan kesilapan yang berlaku. Seterusnya kekeliruan dalam kalangan vokal majmuk (17.5%) dan kekeliruan antara vokal tunggal dan vokal majmuk (15%) mencatat peratusan bilangan kesilapan yang ketiga dan keempat tinggi. Terdapat 2 kategori yang mencatat peratusan sebanyak 10% iaitu kekeliruan antara vokal tunggal dan kekeliruan di antara vokal sengau hadapan dan vokal sengau belakang. Kekeliruan antara vokal tunggal dan gelungan serta kekeliruan antara vokal sengau dan vokal majmuk merupakan kategori yang jumlah kesilapannya paling kurang, iaitu tidak melebihi 10%.

#### **4.4.5 Nada**

Jadual di bawah, telah menunjukkan kesilapan terkumpul untuk nada bahasa Mandarin. Menurut Lee Ai Chat dan rakan penyelidikannya (2007, m.s. 188-201), purata yang paling tinggi dalam melakukan kesalahan menyebut nada bahasa Mandarin adalah nada kedua. Kenyataan ini juga disokong dengan dapatan kajian pengkaji di mana terdapat

65 bilangan kesilapan yang terkumpul dalam nada kedua. Bilangan yang terkumpul ini telah mencatat peratusan yang paling tinggi iaitu 41.9% dalam kalangan kesilapan yang terkumpul dalam ujian mendengar yang dijalankan. Selain itu, statistik kajian juga memaparkan bahawa ramai pelajar telah mentranskripsikan nada kedua sebagai nada pertama, iaitu 46 kesilapan daripada 65 kesilapan adalah jenis kesilapan ini. Seterusnya nada pertama dan nada keempat masing-masing mencatat peratusan kesilapan sebanyak 32.3% untuk nada pertama dan 21.3% untuk nada keempat. Kebanyakan pelajar telah mentranskripsikan kedua-dua nada ini sebagai nada kedua, di mana 34 daripada 50 kesilapan nada pertama dan 25 daripada 33 kesilapan nada keempat adalah jenis kesilapan ini. Di antara kesilapan-kesilapan yang terkumpul, perolehan peratusan kesilapan yang paling rendah ialah nada ketiga. Keputusan yang diperolehi dalam kajian ini bercanggah dengan kajian yang dilakukan ke atas orang Amerika Syarikat. Dalam kajian Wang Yunjia (王韞佳) (Zhao 1997b, m.s.379-394), beliau telah mendapati orang Amerika lebih berupaya menyebut nada pertama dan keempat daripada nada kedua dan ketiga. Dapatan pengkaji telah membuktikan bahawa walaupun BM dan BI kedua-duanya adalah bahasa yang tidak bernada, namun kesilapan subjek kajian dalam aspek kemahiran mendengar dan bertutur tidak semestinya adalah sama. Hasil daripada dapatan pengkaji, kesilapan terkumpul dalam kategori ini hanya mencatat 4.5% dan di antaranya masing-masing adalah sebanyak 3 daripada 11 kesilapan berlaku adalah kerana pelajar telah mentranskripsikan nada ini sebagai nada kedua dan nada keempat. Kesemua ini telah diperincikan dan ditunjukkan dalam jadual 4.35.

Nada	Kesilapan Terkumpul 4 Nada					Jumlah	Peratusan (%)
	1	2	3	4	0		
1	-	34	3	9	4	50	32.3
2	46	-	7	9	3	65	41.9
3	1	3	-	3	0	7	4.5
4	4	25	4	-	0	33	21.3
Jumlah	51	62	14	21	7	155	100
Peratusan (%)	32.9	40.0	9.0	13.5	4.5	100	

**Jadual 4.35 Kesilapan Terkumpul Bagi Nada Bahasa Mandarin**

#### 4.5 Punca Kesilapan

Berbandukan data yang diperolehi dari soal selidik, walaupun pelajar mempunyai minat yang tinggi iaitu 87.5% daripada faktor lain yang mempengaruhi mereka mengikuti kursus ini, namun mereka tidak memberi keutamaan dalam peruntukan masa membuat ulangkaji. Hanya 4 orang atau 10% dalam kalangan subjek kajian telah meluangkan masa 1-3 jam untuk mengulangkaji matapelajaran bahasa Mandarin setiap hari. Seramai 19 orang subjek kajian (47.5%) membuat ulangkaji setiap minggu. Akhir sekali, analisis soal selidik juga telah memaparkan keadaan di mana terdapat 17 orang subjek kajian mengakui bahawa mereka hanya mengulangkaji bahasa ini bila ujian diadakan. Ini telah menyumbang kepada 42.5% dalam kalangan subjek kajian. Maka, berdasarkan dapatan soal selidik ini, pengkaji merumuskan bahawa kekurangan masa mengulangkaji merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam pembelajaran bahasa Mandarin. Kekurangan masa mengulangkaji menyebabkan pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam bahasa ini dan seterusnya timbul masalah-masalah yang lain seperti berasa keliru dalam bahasa sasaran, kurang

keyakinan, tidak fasih dan masalah lain yang menjadi punca berlakunya kesilapan dalam pembelajaran bahasa Mandarin.

Selain itu, kesedaran subjek kajian terhadap tahap kesukaran sebutan fonetik HP juga memainkan peranan penting dalam perbincangan punca kesilapan yang dilakukan oleh para subjek kajian. Pengkaji telah melakukan perbandingan pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran sebutan HP dengan pencapaian mereka yang sebenar dalam ujian yang dilakukan.

Sebutan Fonetik HP Suku Kata Awalan		Pandangan Subjek Kajian terhadap Tahap Kesukaran Sebutan HP (%)		Kategori tahap kesukaran (%)	Peratusan Bilangan Yang Betul (%)	Tahap pencapaian	Kategori pencapaian
1.	Bunyi Bibir b, p, m, f	Tidak Susah	45.0	Rendah (95.0)	93.8	Sangat tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	50.0				
		Susah	5.0	Tinggi (5)			
		Sangat Susah	-				
2.	Bunyi Gigi d, t, n, l	Tidak Susah	42.5	Rendah (87.5)	87.5	Sangat tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	45.0				
		Susah	12.5	Tinggi (12.5)			
		Sangat Susah	-				
3.	Bunyi Gutural g, k, h	Tidak Susah	32.5	Rendah (80.0)	79.2	Sangat tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	47.5				
		Susah	15.0	Tinggi (20.0)			
		Sangat Susah	5.0				
4.	Bunyi Lelangit j, q, x	Tidak Susah	7.5	(Rendah) (55.0)	46.7	Sederha na tinggi	Rendah
		Sedikit Susah	47.5				
		Susah	32.5	(Tinggi) (45.0)			
		Sangat Susah	12.5				
5.	Bunyi Sibilan z, c, s	Tidak Susah	5.0	Rendah (30.0)	50.8	Sederha na tinggi	Rendah
		Sedikit Susah	25.0				
		Susah	37.5	Tinggi (70.0)			
		Sangat Susah	32.5				
6.	Bunyi	Tidak Susah	-	Rendah	71.3	Tinggi	Tinggi

Gelungan zh, ch, sh, r	Sedikit Susah	12.5	(12.5)			
	Susah	42.5	Tinggi			
	Sangat Susah	45.0	(87.5)			

**Jadual 4.36 Hubungan antara pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran suku kata awalan dan pencapaian sebenar**

Jadual 4.36 dan 4.37 telah menunjukkan perbandingan antara pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran sebutan HP dan pencapaian mereka dalam ujian mendengar yang telah dijalankan. Pengkaji telah membahagikan pandangan subjek kajian kepada 2 katogori iaitu tidak susah dan sedikit susah di bawah kategori tahap kesukaran rendah manakala susah dan sangat susah pula diletak bawah kategori tahap kesukaran tinggi. Selain itu, pengkaji juga telah membahagikan peratusan bilangan yang betul kepada 4 tahap pencapaian iaitu sangat tinggi (76%-100%), tinggi (51%-75%), sederhana tinggi (26%-50%) dan tidak tinggi (0%-25%) dalam perbandingan ini. Di antara 4 tahap ini, tahap sangat tinggi dan tinggi diletak dalam kategori tahap pencapaian tinggi dan tahap sederhana tinggi dan tidak tinggi pula diletak bawah kategori tahap pencapaian rendah. Berdasarkan jadual 4.36, kebanyakan subjek kajian berpendapat bahawa bunyi-bunyi bagi golongan bunyi bibir (95%), bunyi gigi (87.5%) dan bunyi gutural (80.0%) adalah pada tahap kesukaran yang rendah. Pandangan subjek kajian bagi golongan-golongan bunyi HP ini disokong dengan pencapaian mereka yang tinggi dalam ujian yang sebenar, masing-masing memperolehi peratusan bilangan yang betul sebanyak 93.8% bagi golongan bunyi bibir, 87.5% bagi golongan bunyi gigi dan 79.2% bagi golongan bunyi gutural.

Selain itu, sebanyak 70.0% subjek kajian berpendapat bahawa tahap kesukaran golongan bunyi sibilan adalah tinggi dan pencapaian mereka dalam ujian mendengar



yang dijalankan juga memaparkan hanya 50.8% yang memperoleh bilangan yang betul. Walau bagaimanapun, perbezaan di antara pandangan subjek kajian dan pencapaian mereka adalah sebanyak 19.2%.

Bagi golongan bunyi gelungan pula, pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran golongan bunyi ini adalah mencapai 87.5% iaitu dalam kategori tinggi manakala pencapaian mereka juga adalah dalam kategori tinggi, iaitu 71.3% memperoleh bilangan yang betul dalam ujian mendengar yang telah dijalankan. Perbandingan ini menunjukkan bahawa sebenarnya subjek kajian masih berupaya mentafsir bunyi-bunyi gelungan seperti “zh” , “ch”, “sh” dan “r” dalam ujian mendengar walaupun mereka berpendapat bahawa tahap kesukaran golongan bunyi ini adalah tinggi.

Seterusnya bagi bunyi lelangit pula, perbezaan di antara perbandingan bagi golongan bunyi ini adalah tidak ketara. Seramai 55% di antara subjek kajian berpendapat bahawa tahap kesukaran golongan bunyi ini adalah rendah manakala pencapaian subjek kajian juga adalah rendah iaitu 46.7% di peringkat sederhana tinggi.

Sebutan Fonetik HP Suku Kata Akhiran		Pandangan Subjek Kajian terhadap Tahap kesukaran HP (%)		Kategori tahap kesukaran (%)	Peratusan Bilangan Yang Betul (%)	Tahap pencapaian	Kategori pencapaian
1.	Vokal	Tidak Susah	55.0	Rendah	68.9	Tinggi	Tinggi
	Tunggal	Sedikit Susah	37.5	(92.5)			
		Susah	7.5	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(7.5)			

2.	Vokal	Tidak Susah	40.0	Rendah	75.6	Tinggi	Tinggi
	Majmuk	Sedikit Susah	42.5	(82.5)			
		Susah	12.5	Tinggi			
		Sangat Susah	5.0	(17.5)			
3.	Vokal	Tidak Susah	45.0	Rendah	76.1	Sangat tinggi	Tinggi
	Sengau	Sedikit Susah	45.0	(90.0)			
		Susah	10.0	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(10.0)			
4.	Vokal	Tidak Susah	40.0	Rendah	45.0	Sederhana tinggi	Rendah
	Gelungan	Sedikit Susah	37.5	(77.5)			
		Susah	20.0	Tinggi			
		Sangat Susah	2.5	(22.5)			

**Jadual 4.37 Hubungan antara pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran suku kata akhiran dan pencapaian sebenar**

Jadual 4.37 menunjukkan hubungan pandangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran suku kata akhiran dan pencapaian sebenar. Berdasarkan analisis yang dilakukan, jelas menunjukkan subjek kajian mengenali kelebihan diri sendiri dan telah memperolehi pencapaian yang tinggi dalam ujian mendengar yang telah dijalankan bagi golongan vokal tunggal, vokal majmuk dan vokal sengau,.

Keadaan ini adalah dikecualikan bagi golongan vokal gelungan. Walaupun 77.5% antara subjek kajian berpandangan bahawa tahap kesukaran vokal gelungan adalah rendah namun peratusan bilangan yang betul yang dicapai oleh mereka hanya 45%

sahaja. Keputusan perbandingan ini telah menunjukkan subjek kajian tidak sedar bahawa mereka lemah dalam vokal gelungan “er”.

Sebutan Fonetik HP		Pandangan Subjek Kajian terhadap Tahap kesukaran HP (%)		Kategori tahap kesukaran (%)	Peratusan Bilangan Yang Betul (%)	Tahap pencapaian	Kategori pencapaian
Nada							
1	Nada Pertama	Tidak Susah	50.0	Rendah	75.0	Tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	30.0	(80.0)			
		Susah	20.0	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(20.0)			
2	Nada Kedua	Tidak Susah	42.5	Rendah	67.5	Tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	50.0	(92.5)			
		Susah	7.5	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(7.5)			
3	Nada Ketiga	Tidak Susah	47.5	Rendah	96.5	Sangat Tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	47.5	(95.0)			
		Susah	5.0	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(5)			
4	Nada Keempat	Tidak Susah	60.0	Rendah	83.5	Sangat Tinggi	Tinggi
		Sedikit Susah	22.5	(82.5)			
		Susah	17.5	Tinggi			
		Sangat Susah	-	(17.5)			

**Jadual 4.38 Hubungan antara padangan subjek kajian terhadap tahap kesukaran nada dan pencapaian sebenar**

Jadual 4.38 di atas telah menunjukkan subjek kajian berupaya memperolehi peratusan bilangan betul yang tinggi dan ini sejajar dengan pandangan mereka bahawa tahap kesukaran keempat-empat nada bahasa Mandarin adalah rendah.

Dapat dirumuskan bahawa hasil kajian soal selidik telah menunjukkan subjek kajian mempunyai tanggapan tahap kesukaran sebutan HP yang salah bagi bunyi dan vokal gelungan. Bagi bunyi gelungan “zh”, “ch”, “sh”, “r”, sebanyak 87.5% berpendapat bahawa bunyi ini ada sukar tetapi dalam ujian yang sebenar pula menunjuk 71.25% antara mereka memperolehi pencapaian yang tinggi iaitu 71.25% bilangan yang betul. Di sebaliknya, bagi vokal gelungan “er” pula, keadaan yang sebalik berlaku. Subjek kajian mendapat pencapaian yang rendah (45% bilangan yang betul) walaupun 77.5% antara mereka menganggap tahap kesukaran vokal ini adalah rendah. Dapatan ini sedikit sebanyak akan membantu subjek kajian mengenali kelemahan diri sendiri dalam pembelajaran sebutan HP.

Selain daripada data soal selidik, data yang diperolehi dalam perbincangan khas yang dilakukan selepas kedua-dua ujian dijalankan juga banyak memberi sumbangan dalam usaha mengkaji punca kesilapan yang dilakukan oleh pelajar. Hasil perbincangan tersebut dapat dipaparkan perbincangan seterusnya.

Pengkaji telah menggunakan nombor 1, 2, 3, 4, dan 5 untuk mewakili punca kesilapan bagi jadual 4.39 dan 4.40. Pernyataannya adalah seperti berikut:

NO	PERNYATAAN
1	Terpengaruh oleh bahasa Melayu
2	Terpengaruh oleh bahasa Inggeris
3	Terkeliru dengan sebutan fonetik bahasa Mandarin yang hampir sama
4	Pengetahuan Hanyu Pinyin yang tidak mencukupi
5	Tidak pasti punca kesilapan berlaku

Berdasarkan analisis statistik yang diperolehi dalam perbincangan yang dilakukan, didapati bahawa bunyi-bunyi yang hampir sama dalam suku kata awalan bahasa Mandarin seperti bunyi *aspirated* dan *unaspirated*, bunyi sibilan dan bunyi gelungan (rujuk Jadual 4.29) telah mengelirukan pelajar sehingga ia telah menjadi satu punca utama yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan. Punca ini telah menyumbang sebanyak 61.4% dalam kalangan faktor-faktor lain yang mempengaruhi pelajar membuat kesilapan dalam proses pembelajaran bahasa Mandarin. Kajian ini mendapat keputusan yang sama dengan Lin dan Wang (2005, m.s.59-65) iaitu kesilapan suku kata awalan pelajar yang utama adalah lebih tertumpu kepada bunyi letupan tertutup (b,p,d,t,g dan k) dan bunyi letupan terbuka (z,c,zh,ch,j dan q). Selain itu, pemindahan bahasa yang merupakan faktor yang kedua besar yang mengganggu pelajar semasa mereka mentranskripsikan suku kata awalan dalam ujian yang dilakukan. Berdasarkan statistik yang diperolehi, sebanyak 20.2% daripada faktor-faktor yang menyebabkan kesilapan berlaku adalah akibat pengaruh bahasa pertama iaitu BM. Ini adalah kerana subjek kajian telah biasa menggunakan bahasa ini. Dapatan soal selidik telah menunjukkan bahawa 92.5% subjek kajian telah menggunakan BM di rumah dan 95%

di bilik kuliah. Tahap penguasaan BM mereka juga adalah tinggi di mana 45% berada pada tahap penguasaan yang baik dan 55% pada tahap sangat baik. (rujuk Jadual 3.3) Seterusnya, 13.6% di antara subjek kajian tidak dapat mengenalpasti punca-punca yang menyebabkan mereka melakukan kesilapan dalam ujian yang dilakukan. Di samping itu, 3.1% subjek kajian mengaku bahawa kesilapan berlaku akibat mereka lemah dalam ilmu pengetahuan fonetik bahasa Mandarin. Dapatan kajian juga memaparkan bahawa pengaruh BI bukan merupakan punca utama yang menyebabkan kesilapan berlaku, ia menyumbang peratusan yang rendah iaitu sebanyak 1.8 % sahaja dalam kategori punca kesilapan.

SUKU KATA AWALAN	PUNCA KESILAPAN						JUMLAH	PERATUSAN (%)
	1	2	3	4	5			
<b>B. Bibir</b>	0	0	7	0	3	<b>10</b>	<b>4.4</b>	
<b>B. Gigi</b>	1	0	12	0	7	<b>20</b>	<b>8.8</b>	
<b>B. Gutural</b>	7	1	11	0	10	<b>29</b>	<b>12.7</b>	
<b>B. Lelangit</b>	30	1	26	3	4	<b>64</b>	<b>28.1</b>	
<b>B. Sibilan</b>	6	2	42	4	5	<b>59</b>	<b>25.9</b>	
<b>B. Gelungan</b>	2	0	42	0	2	<b>46</b>	<b>20.2</b>	
<b>Jumlah</b>	<b>46</b>	<b>4</b>	<b>140</b>	<b>7</b>	<b>31</b>	<b>228</b>	<b>100</b>	
<b>Peratusan (%)</b>	<b>20.2</b>	<b>1.8</b>	<b>61.4</b>	<b>3.1</b>	<b>13.6</b>	<b>100</b>	<b>-</b>	

**Jadual 4.39 Punca Kesilapan Mengikut Golongan Suku Kata Awal**

Selanjutnya, jadual 4.40 memberi satu gambaran yang jelas tentang kesan faktor linguistik terhadap kesilapan yang terdapat dalam suku kata akhiran.

Menurut Lu (Wang 1997, m.s. 53), faktor linguistik seperti pengaruh bahasa ibunda merupakan faktor utama yang mempengaruhi pelajar asing mempelajari sebutan fonetik sesuatu bahasa. Beliau berpendapat bahawa gangguan bahasa ibunda merupakan

unsur utama yang mempengaruhi pembelajaran fonetik bagi pelajar asing. Hal ini kerana pelajar telah menerima pendedahan bahasa ibunda sejak kecil. Apabila mereka mempelajari sesuatu bahasa yang baru, pemindahan bahasa akan berlaku dan memberi kesan yang negatif kepada bahasa sasaran. Dalam kajian ini, faktor ini juga telah menyumbang peratusan yang tinggi dalam kesilapan suku kata akhiran. Di antaranya, pengaruh bahasa ibunda yang merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran suku kata akhiran pelajar, iaitu 41.3%. Keputusan kajian ini mengesahkan bahawa pengaruh bahasa ibunda bukan sahaja merupakan faktor utama pelajar melakukan kesilapan dalam sebutan vokal yang mengandungi bunyi “ü ” yang dikaji oleh Goh (2009, m.s.80), namun faktor ini juga mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran suku kata akhiran HP. Seterusnya, kekeliruan yang berlaku dalam bahasa mencatat 19.8% daripada punca kesilapan yang berlaku. Daripada jumlah kesilapan yang berlaku, sebanyak 17.1% kesilapan adalah disebabkan kekurangan pengetahuan dalam sistem fonetik bahasa Mandarin. Selain itu, 14.9% pelajar tidak dapat mengenalpasti punca-punca kesilapan berlaku dalam ujian mendengar yang telah dijalankan. Akhir sekali pengaruh bahasa Inggeris telah menyumbang kepada peratusan bilangan kesilapan yang paling rendah iaitu hanya sebanyak 6.8% sahaja.

SUKU KATA AKHIRAN	PUNCA KESILAPAN						
	1	2	3	4	5	JUMLAH	PERATUSAN (%)
V. Tunggal	41	14	22	18	17	112	27.1
V. Majmuk	51	5	30	26	15	127	30.7
V. Sengau	67	6	30	21	29	153	37.0
V. Gelungan	12	3	0	6	1	22	5.3
Jumlah	171	28	82	71	62	414	100
Peratusan (%)	41.3	6.8	19.8	17.1	14.9	100	-

**Jadual 4.40 Punca Kesilapan Mengikut Golongan Suku Kata Akhiran**

Selanjutnya jadual 4.41 memaparkan punca kesilapan bagi nada bahasa Mandarin. Berdasarkan data yang diperolehi, didapati bahawa punca utama yang menyebabkan pelajar melakukan kesilapan dalam mentranskripsikan adalah disebabkan kekeliruan antara nada bahasa Mandarin. Sebanyak 58.1% kesilapan berlaku adalah disebabkan pelajar tidak dapat membezakan keempat-empat nada bahasa Mandarin.

Selain itu, pelajar juga mengaku bahawa mereka diri sendiri juga tidak dapat mengenalpasti sebab yang menyebabkan mereka melakukan kesilapan semasa menjalani ujian nada dari aspek mendengar. Punca kesilapan ini telah mencatat sebanyak 20.6% daripada punca kesilapan yang lain. Seterusnya sebanyak 11.0% daripada kesilapan terkumpul adalah kerana pelajar kurang arif dengan nada bahasa Mandarin. Pengaruh BM dan BI masing-masing mencatat peratusan yang rendah dalam punca kesilapan yang terkumpul bagi nada bahasa Mandarin.



Nada	PUNCA KESILAPAN					
	1	2	3	4	5	JUMLAH
1	5	2	31	5	7	50
Peratus (%)	10.0	4.0	62.0	10.0	14.0	100
2	0	2	40	6	17	65
Peratus (%)	0.0	3.1	61.5	9.2	26.2	100
3	0	0	4	1	2	7
Peratus (%)	0.0	0.0	57.1	14.3	28.6	100
4	7	0	15	5	6	33
Peratus (%)	21.2	0.0	45.5	15.2	18.2	100
Jumlah	12	4	90	17	32	155
Peratus (%)	7.7	2.6	58.1	11.0	20.6	100

**Jadual 4.41 Punca Kesilapan Nada Bahasa Mandarin**

#### 4.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa subjek kajian berupaya mentranskripsikan dan membezakan bunyi-bunyi dalam sistem HP. Dalam bahagian suku kata awalan, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa keupayaan kemahiran mendengar subjek kajian adalah tinggi. Bagi subjek kajian, mereka adalah lemah dalam mentranskripsikan sebutan bunyi seperti “j”, “q”, “zh” dan “c” dalam ujian mendengar yang telah mereka jalani. Kekeliruan antara bunyi *aspirated* dan bunyi *unaspirated* serta kekeliruan antara bunyi sibilan dan bunyi gelungan merupakan kategori kesilapan utama mereka. Dalam bahagian suku kata akhiran, para subjek kajian adalah lemah dalam sebutan vokal seperti “o”, “iou/iu”, “ian”, “uen/un” dan “üan”. Kekeliruan dalam bunyi sengau merupakan kesilapan yang utama dalam ujian

yang mereka duduki. Di samping itu, aspek kemahiran mendengar sebagai fokus utama juga telah menunjukkan sedikit perbezaan dengan hasil kajian pengkaji yang lain seperti Wang Yunjia (Zhao 1997b, m.s.379-394), Lee Ai Chat (2007, m.s. 188-201), Zhuang Xingfa (2005, m.s.249-262), Mok Soon Sim dan rakan penyelidikinya (2009, m.s.115-126) serta Goh Suat Bee (2009, m.s.75-82) yang memberi fokus utama dalam aspek penyebutan dan pertuturan. Walau bagaimanapun, setelah mengenalpasti keupayaan subjek kajian serta punca kesilapan yang dilakukan, maka cadangan untuk mengatasi kelemahan ini akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.